

25 FEB 2001

Dompok-Penggiliran

KEKUATAN KERAJAAN NEGERI TERLETAK PADA KABINET, KATA DOMPOK

KUNDASANG, 25 Feb (Bernama) -- Presiden Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) Tan Sri Bernard Dompok berkata kekuatan sesebuah Kerajaan Negeri bukan hanya tertakluk kepada tempoh seseorang Ketua Menteri memerintah tetapi juga kepada kekuatan Kabinet.

Oleh sebab itu, sekiranya Kabinet kuat, maka tidak timbul masalah besar jika pemimpin kerap bertukar.

"Saya rasa kekuatan sesebuah kerajaan negeri juga terletak pada Kabinet dan fungsi Kabinet begitu ketara dalam sesebuah kerajaan walaupun pemimpinnya sering bertukar," katanya kepada pemberita selepas melancarkan latihan mencari dan menyelamatkan oleh pasukan "Smart" di Gunung Kinabalu, di sini, hari ini.

Apabila ditanya sama ada sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri di Sabah sesuai atau sebaliknya, Dompok yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata: "Mana-mana satu sistem pun ada kebaikan dan kekurangan".

Sistem penggiliran dicadangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika Sabah menghadapi kempen pilihan raya negeri pada 1994 dan mula dilaksanakan apabila Barisan Nasional (BN) mengambil alih tampuk pemerintahan negeri pada tahun yang sama.

Dompok berkata: "Kalau kita lihat di negara Jepun, pemerintah negaranya tidak selalu berkhidmat lebih daripada dua tahun dan ada juga kerajaan yang memerintah sehingga empat tahun.

"Bagi kita di Sabah, memang ada kebaikannya tempoh (penggiliran) itu dipanjangkan kepada lima tahun. Bagaimanapun, saya berpendapat, tempoh dua tahun jawatan Ketua Menteri itu bukanlah halangan kepada pembangunan negeri," katanya.

Sistem yang unik itu adalah bagi membolehkan pemimpin tiga kaum utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina -- masing-masing menerajui kerajaan negeri bagi tempoh dua tahun.

Walaupun pada mulanya ia berjalan lancar, sejak akhir-akhir ini beberapa pihak mula menyuarakan agar sistem itu dimansuhkan manakala yang lain menyerahkan sepenuhnya kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan.

-- BERNAMA

NT PR